

RAK dekoponix sesuai untuk rumah yang bersaiz kecil.



PENGHASILAN produk dekoponix membolehkan pasukan penyelidik memenangi beberapa anugerah inovasi.

Cara mudah penghuni apartmen berkebun

Sepasukan tiga penyelidik dari Universiti Putra Malaysia berjaya menghasilkan rak dekoponix yang mampu menggalakkan pertanian bandar.

BERADA pada tahun akhir, Mohd. Hafiz Talib, 26, mula memikirkan satu projek berkaitan produk industri bagi melengkapkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Industri, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada suatu hari, dia terbaca satu artikel berkaitan pertanian bandar, sekali gus memberikan idea untuk menghasilkan produk bagi membolehkan penduduk bandar bercucuk tanam dengan mudah.

"Pada tahun 2015, saya ditugaskan untuk mereka bentuk satu produk industri.

"Ketika memikirkan produk yang hendak dihasilkan, saya terbaca satu artikel mengenai pertanian bandar. Sejak itu, timbul satu idea untuk saya menghasilkan produk dekoponix ini," katanya.

Dia kemudiannya melakukan beberapa kajian termasuk kekangan yang menyukarkan

penduduk di bandar untuk bercucuk tanam.

Menurutnya, hampir 70 peratus penduduk bandar tinggal di pangsapuri dan apartmen sehingga menyukarkan mereka bercucuk tanam kerana

ketiadaan tanah.

"Saya memikirkan satu alternatif penanaman yang hanya memerlukan ruang kecil.

"Saya melihat produk sedia ada termasuklah teknik tanaman hidroponik. Teknik itu memerlukan ruangan besar dan kurang praktikal bagi mereka yang mendiami rumah pangsapuri ataupun apartmen," jelasnya yang sedang menyambung pengajian di peringkat sarjana di UPM.

Menurutnya, dekoponix adalah satu rak untuk menanam sayur-sayuran menggunakan kaedah hidroponik.



KHAIRUL AIDIL AZLIN



MOHD. HAFIZ

Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman.

Cadangan yang dikemukakan itu diterima baik oleh pensyarahnya. Kedua-dua mereka bersama seorang lagi penyelidik iaitu Dr. Mohd. Shahrizal Dolah berkongsi idea untuk menghasilkan produk tersebut.

Dalam pada itu, Khairul Aidil Azlin berkata, projek itu adalah sesuatu yang amat baik dan berguna kepada

masyarakat.

"Berdasarkan masalah bercucuk tanam yang dihadapi oleh penduduk di bandar, Mohd. Hafiz berjaya mencari jalan penyelesaian.

"Kami juga melihat permasalahan itu dari segi keselamatan makanan yang dihadapi oleh kebanyakan penduduk bandar.

"Sayur yang dijual di pasaran juga dikhuatiri tidak terkawal dari segi penggunaan racun dan tidak bersifat organik," katanya.

Kaedah dekoponix tidak memerlukan penjagaan rapi tetapi dapat menghasilkan tanaman yang bersih dan organik.

Teknologi yang digunakan untuk menghasilkan produk itu menggunakan sistem modular yang mudah dipasang dan dilepaskan oleh pengguna.

"Memasanginya amat mudah dan hanya memerlukan masa antara lima hingga lapan minit. Ia juga tidak menggunakan skru.

"Produk ini juga didatangkan dalam bentuk kotak untuk mudah disimpan jika tidak digunakan," jelas Khairul Aidil Azlin.


Menurutnya lagi, dengan berat kira-kira 2.5 kilogram, ia mudah dibawa untuk dipasang manakala ketinggian selepas dipasang adalah 1.5 meter (m) dan lebar 0.4m untuk rak empat tingkat.

Bilangan rak juga boleh ditambah dari semasa ke semasa.

Produk itu mudah diselenggarakan dan airnya berkitar berterusan yang hanya perlu ditambah sekali dalam masa dua minggu.

Ia menggunakan sistem *deep flow* atau

SALAD antara jenis tanaman yang sesuai ditanam pada rak dekoponix.



dekoponix

